

# VÄRMD

MY

GB



Design and Quality  
IKEA of Sweden

**BAHASA MALAYSIA**  
**ENGLISH**

**3**  
**14**

## KANDUNGAN

|    |                                     |    |    |                          |    |
|----|-------------------------------------|----|----|--------------------------|----|
| 1. | MAKLUMAT KESELAMATAN                | 3  | 7. | PEMASANGAN DAN SAMBUNGAN | 12 |
| 2. | PENERANGAN PRODUK                   | 7  | 8. | KEBIMBANGAN ALAM SEKITAR | 12 |
| 3. | PANEL KAWALAN                       | 8  | 9. | JAMINAN IKEA             | 13 |
| 4. | MENGGUNAKAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO | 9  |    |                          |    |
| 5. | MENGESAN KEROSAKAN                  | 12 |    |                          |    |
| 6. | SPESIFIKASI                         | 12 |    |                          |    |

## 1. MAKLUMAT KESELAMATAN



## LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGELAK KEMUNGKINAN PENDEDAHAN TERHADAP TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN

- Jangan cuba mengendalikan ketuhar ini dengan pintu dibuka kerana ini boleh menyebabkan pendedahan berbahaya terhadap tenaga gelombang mikro. Adalah penting untuk tidak memecah atau merosakkan saling kunci keselamatannya.
- Jangan letakkan objek di antara muka depan ketuhar dan pintu atau biarkan tanah atau sisa pembersih terkumpul di atas permukaan kedap.
- AMARAN!** Jika pintu atau kedap pintu rosak, jangan kendalikan ketuhar sehingga ia dibaiki oleh orang yang kompeten.

## AMARAN ARAHAN KESELAMATAN YANG PENTING


Untuk mengurangkan risiko kebakaran, kejutan elektrik, kecederaan kepada seseorang atau pendedahan terhadap tenaga ketuhar gelombang mikro yang berlebihan apabila menggunakan perkakas anda, sila ikuti langkah-langkah asas, termasuk yang berikut:

- Baca dan ikuti spesifiknya: **"LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGELAK KEMUNGKINAN PENDEDAHAN TERHADAP TENAGA GELOMBANG MIKRO YANG BERLEBIHAN"**.
- Perkakas ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur dari 8 tahun.
- Jauhkan alat ini dan kordnya daripada kanak-kanak yang berumur di bawah 8 tahun.
- Sekiranya kord bekalan rosak, ia mesti diganti oleh pengilang, ejen perkhidmatannya atau orang yang berkelayakan untuk mengelakkan bahaya.
- AMARAN:** Matikan kuasa perkakas sebelum menggantikan lampu bagi mengelak kemungkinan kejutan elektrik.

6. **AMARAN:** Jangan biarkan orang selain mereka yang kompeten untuk menjalankan sebarang perkhidmatan atau operasi pembaikan yang melibatkan pengalihan penutup yang memberi perlindungan terhadap pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.
7. **AMARAN:** Cecair dan makanan lain tidak boleh dipanaskan dalam bekas bertutup kerana ia boleh meletup.
8. Apabila memanaskan makanan di dalam bekas plastik atau kertas, sila perhatikan ketuhar kerana berkemungkinan berlakunya penyalaan.
9. Hanya gunakan alatan dapur yang sesuai bagi kegunaan di dalam ketuhar gelombang mikro.
10. Sekiranya keluar asap, matikan kuasa atau cabut palam perkakas dan pastikan pintu ditutup untuk mematikan sebarang nyalaan api.
11. Pemanasan minuman oleh ketuhar gelombang mikro boleh mengakibatkan letusan pendidihan terlengah, oleh itu, perhatian mesti diambil semasa mengendalikan bekas.
12. Kandungan botol susu dan balang makanan bayi hendaklah dikacau atau digoncang dan suhu diperiksa sebelum dimakan, untuk mengelakkan lecur.
13. Telur dalam cangkerang dan telur rebus tidak boleh dipanaskan dalam ketuhar gelombang mikro kerana ia mungkin meletup, walaupun selepas pemanasan gelombang mikro telah berakhir.
14. Ketuhar hendaklah dibersihkan secara kerap dan sebarang sisa makanan dibuang.
15. Kegagalan untuk mengekalkan ketuhar dalam keadaan bersih boleh menyebabkan kemerosotan permukaan yang boleh menjejaskan jangka hayat perkakas dan mungkin mengakibatkan keadaan yang berbahaya.
16. Hanya gunakan prob suhu yang disyorkan untuk ketuhar ini. (Untuk ketuhar yang dilengkapi dengan kemudahan untuk menggunakan prob pengesan suhu.)
17. Ketuhar gelombang mikro mesti dikendalikan dengan pintu perabot dapur terbuka. (Untuk ketuhar dengan pintu perabot dapur di hadapan produk)
18. Alat ini bertujuan untuk digunakan di dalam rumah atau penggunaan yang serupa dengannya, seperti:
  - oleh pelanggan di hotel, motel dan persekitaran jenis kediaman yang lain;
  - rumah ladang;
  - persekitaran jenis penginapan dan sarapan.
19. Ketuhar gelombang mikro digunakan untuk pemanasan makanan dan minuman. Pengeringan makanan atau pakaian dan pemanasan pad hangat, selipar, span, kain lembap dan yang sama dengannya mungkin mengakibatkan risiko kecederaan, penyalaan atau kebakaran.
20. Bekas logam untuk makanan dan minuman tidak dibenarkan semasa gelombang mikro sedang memasak.

21. Jangan bersihkan perkakas dengan pembersih wap.
22. Perkakas tidak boleh dipasang di belakang pintu hiasan untuk mengelakkan terlampau panas. (Perkara ini tidak berkenaan untuk perkakas dengan pintu hiasan.)
23. Ketuhar gelombang mikro bertujuan untuk digunakan secara terpasang dalam.
24. Berhati-hati agar tidak salah meletakkan pinggan putar semasa mengeluarkan bekas daripada perkakas. (Untuk perkakas tetap dan perkakas terpasang dalam yang digunakan sama atau lebih tinggi daripada 900 mm di atas lantai dan mempunyai pinggan putar boleh cabut. Tetapi ini tidak terpakai untuk perkakas dengan pintu berengsel bawah mendatar)

**BACA DENGAN TELITI DAN  
SIMPANNYA UNTUK RUJUKAN  
MASA DEPAN.**



## UNTUK MENGURANGKAN RISIKO KECEDEeraan PADA ORANG YANG MEMASANG PEMBUMIAN

### BAHAYA

#### *Bahaya Kejutatan Elektrik*

Menyentuh beberapa komponen dalaman boleh menyebabkan kecederaan peribadi yang serius atau kematian. Jangan menyahpasang perkakas ini.

### AMARAN

#### *Bahaya Kejutatan Elektrik*

Penggunaan pembumian yang tidak betul boleh menyebabkan kejutatan elektrik. Jangan pasang palam pada soket sehingga perkakas dipasang dengan betul dan dibumikan. Perkakas ini mestilah dibumikan. Sekiranya berlaku litar pintas elektrik, pembumian mengurangkan risiko kejutatan elektrik dengan menyediakan dawai keluar untuk arus elektrik. Perkakas ini dilengkapi dengan kord yang mempunyai dawai pembumian dengan palam pembumian. Palam mesti dipasang pada soket yang dipasang dengan betul dan dibumikan.

Rujuk juru elektrik atau juruteknik yang berkelayakan jika arahan pembumian tidak difahami sepenuhnya atau jika keraguan wujud sama ada perkakas itu dibumikan dengan betul atau tidak. Sekiranya perlu menggunakan kord sambungan, gunakan kord sambungan 3 dawai sahaja.

1. Kord bekalan kuasa pendek disediakan untuk mengurangkan risiko yang mengakibatkan tersangkut atau belantik pada kord yang lebih panjang.
2. Sekiranya set kord panjang atau kord sambungan digunakan:
  - 1) Tanda penarafan elektrik pada set kord atau kord sambungan hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan penarafan elektrik perkakas.
  - 2) Kord sambungan mestilah jenis pembumian kord 3 dawai.
  - 3) Kord yang panjang perlu diatur supaya ia tidak akan melabuh di atas meja dapur atau atas meja yang boleh ditarik oleh kanak-kanak atau tersadung secara tidak sengaja.

### PEMBERSIHAN

Pastikan anda mencabut palam perkakas daripada bekalan kuasa.

1. Bersihkan ruang dalam ketuhar selepas digunakan dengan kain yang sedikit lembap.
2. Bersihkan aksesori dengan cara biasa menggunakan air sabun.
3. Bingkai dan kedap pintu dan bahagian berdekatan mesti dibersihkan dengan berhati-hati menggunakan kain lembap apabila kotor.
4. Jangan gunakan pembersih pelelas kasar atau pengikis logam tajam untuk membersihkan kaca pintu ketuhar kerana ini boleh mencalarakan permukaan, yang mungkin mengakibatkan kacanya pecah.
5. *Petua Pembersihan* ★ Untuk pembersihan lebih mudah dinding ruang dalam yang boleh terkena oleh makanan yang dimasak: Masukkan separuh lemon ke dalam mangkuk, tambahkan 300 ml (1/2 pain) air dan panaskan pada 100% kuasa gelombang mikro selama 10 minit. Lap bersih ketuhar menggunakan kain lembut dan kering.

### ALATAN DAPUR

#### AWAS

#### *Bahaya Kecederaan Peribadi*

Jangan biarkan orang selain mereka yang kompeten untuk menjalankan sebarang perkhidmatan atau operasi pembaikan yang melibatkan pengalihan penutup yang memberi perlindungan terhadap pendedahan kepada tenaga gelombang mikro.

#### Lihat arahan mengenai "BAHAN-BAHAN YANG ANDA BOLEH GUNAKAN DALAM KETUHAR GELOMBANG MIKRO ATAU UNTUK DIELAK DALAM KETUHAR GELOMBANG MIKRO."

Mungkin terdapat sesetengah alatan dapur bukan logam yang tidak selamat digunakan untuk gelombang mikro. Jika berasa ragu, anda boleh menguji alatan dapur tersebut mengikut prosedur di bawah.

Ujian Alatan Dapur:

1. Isikan bekas yang selamat digunakan untuk ketuhar gelombang mikro dengan 1 cawan air sejuk (250 ml) bersama dengan alatan dapur tersebut.
2. Masak pada kuasa maksimum selama 1 minit.
3. Berhati-hati menyentuh alatan dapur itu. Jika alatan dapur kosong itu panas, jangan menggunakannya untuk memasak menggunakan gelombang mikro.
4. Jangan melebihi masa memasak selama 1 minit.

## BAHAN-BAHAN YANG ANDA BOLEH GUNAKAN DALAM KETUHAR GELOMBANG MIKRO


| ALATAN DAPUR              | CATATAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penghidang pemerangan     | Ikuti arahan pengilang. Bahagian bawah penghidang pemerangan perlu sekurang-kurangnya 3/16 inci (5 mm) di atas pinggan putar. Penggunaan yang tidak betul boleh menyebabkan pinggan putar pecah.                                                                                                                    |
| Set Makan Malam           | Selamat digunakan untuk gelombang mikro sahaja. Ikuti arahan pengilang. Jangan gunakan bekas yang retak atau sumbing.                                                                                                                                                                                               |
| Balang kaca               | Sentiasa mengalih keluar penutup. Gunakan hanya untuk memanaskan makanan sehingga cukup hangat. Kebanyakan balang kaca tidak tahan haba dan boleh pecah.                                                                                                                                                            |
| Alat Kaca                 | Alat kaca ketuhar tahan haba sahaja. Pastikan tiada alis logam. Jangan gunakan bekas yang retak atau sumbing.                                                                                                                                                                                                       |
| Beg memasak untuk ketuhar | Ikuti arahan pengilang. Jangan tutup dengan tali logam. Buat torehan untuk membolehkan wap dibebaskan.                                                                                                                                                                                                              |
| Pinggan dan cawan kertas  | Gunakan untuk memasak/pemanasan jangka pendek sahaja. Jangan biarkan ketuhar tanpa pengawasan semasa memasak.                                                                                                                                                                                                       |
| Tuala kertas              | Gunakan untuk menutup makanan semasa memanaskan semula dan menyerap lemak. Gunakan dengan pengawasan untuk memasak jangka pendek sahaja.                                                                                                                                                                            |
| Kertas pacmen             | Gunakan sebagai penutup untuk menghalang percikan atau pembalut untuk mengukus.                                                                                                                                                                                                                                     |
| Plastik                   | Selamat digunakan untuk gelombang mikro sahaja. Ikut arahan pengilang. Sepatutnya dilabel "Microwave Safe". Sesetengah bekas plastik menjadi lembut kerana makanan di dalamnya panas. "Beg didih" dan beg plastik yang ditutup ketat hendaklah ditoreh, ditikam atau dilubangkan seperti yang diarahkan oleh pakej. |
| Pembalut plastik          | Selamat digunakan untuk gelombang mikro sahaja. Gunakan untuk menutup makanan semasa memasak untuk mengekalkan kelembapan. Jangan biarkan pembalut plastik menyentuh makanan.                                                                                                                                       |
| Termometer                | Termometer Selamat digunakan untuk gelombang mikro sahaja (termometer daging dan gula-gula).                                                                                                                                                                                                                        |
| Kertas lilin              | Gunakan sebagai penutup untuk menghalang percikan dan mengekalkan kelembapan.                                                                                                                                                                                                                                       |

**BAHAN-BAHAN YANG DIHINDARI DALAM OVEN MICROWAVE**


| ALATAN DAPUR                           | CATATAN                                                                                                      |
|----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Dulang aluminium                       | Boleh menyebabkan pengarkaan. Pindahkan makanan ke dalam penghidang selamat digunakan untuk gelombang mikro. |
| Karton makanan dengan pemegang logam   | Boleh menyebabkan pengarkaan. Pindahkan makanan ke dalam penghidang selamat digunakan untuk gelombang mikro. |
| Alatan dapur logam atau bersalut logam | Logam melindungi makanan dari tenaga gelombang mikro. Alis logam boleh menyebabkan pengarkaan.               |
| Pengikat pulas logam                   | Boleh menyebabkan pengarkaan dan boleh menyebabkan kebakaran di dalam ketuhar.                               |
| Beg kertas                             | Boleh menyebabkan kebakaran di dalam ketuhar.                                                                |
| Busa plastik                           | Busa plastik mungkin mencair atau mencemarkan cecair di dalam apabila terdedah                               |
| Kayu                                   | Kayu akan mengering apabila digunakan dalam ketuhar gelombang mikro dan boleh pecah atau retak.              |

**2. PENERANGAN PRODUK****MEMASANG KETUHAR ANDA****Nama Bahagian dan Aksesori Ketuhar**

Keluarkan ketuhar dan semua bahan daripada karton dan ruang dalam ketuhar. Ketuhar anda dilengkapi dengan aksesori berikut:




- A) Panel kawalan
- B) Butang pembukaan pintu
- C) Penutup panduan gelombang (Jangan keluarkan)
- D) Aci pinggan putar
- E) Pemasang cincin meja putar
- F) Dulang kaca
- G) Tingkap pemerhatian
- H) Pemasang pintu
- I) Sistem saling kunci keselamatan

**Pemasangan pinggan putar**

- a. Jangan letakkan dulang kaca secara terbalik. Jangan sesekali menyekat dulang kaca.
- b. Kedua-dua dulang kaca dan pemasang gelang pinggan putar mesti sentiasa digunakan semasa memasak.
- c. Semua makanan dan bekas makanan sentiasa diletakkan di atas dulang kaca untuk memasak.
- d. Jika dulang kaca atau pemasang gelang pinggan putar retak atau pecah, sila hubungi pusat perkhidmatan yang terdekat.
- e. Jangan sesekali meletakkan makanan sejuk beku terus di atas pinggan putar yang hangat.

### 3. PANEL KAWALAN




#### ARAHAN

-  **Gelombang Mikro**
-  **Pemasa/Jam Dapur**
-  **Mula/+30 Saat/Sahkan**
-  **Masa**
-  **Nyahfros Berat/Masa**
-  **Berhenti/Kosongkan**
- AUTO** **Menu Auto**

## 4. MENGGUNAKAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO


### MENGGUNAKAN TOMBOL

Untuk menggunakan tombol pilihan, tolak ke dalam dan ia akan keluar.



### BUKA PINTU

Tekan butang untuk membuka pintu.



### TETAPAN JAM

Apabila ketuhar gelombang mikro dihidupkan, skrin akan memaparkan "0:00", pembaz akan berdering sekali.

1. Tekan **Pemasa/Jam Dapur** dua kali untuk memilih fungsi jam, angka jam akan berkelip.
2. Pusing tombol untuk menyelaraskan angka jam, masa input mesti dalam 0--23.
3. Tekan **Pemasa/Jam Dapur**, angka minit akan berkelip, angka jam akan menyala.
4. Pusing tombol untuk menyelaraskan angka minit, masa input mesti dalam 0--59.
5. Tekan **Pemasa/Jam Dapur** untuk menyelesaikan tetapan jam, akan berkelip.

**Nota:** Semasa proses tetapan jam, jika anda tidak menekan **Pemasa/Jam Dapur** untuk mengesahkan dalam 1 minit, ketuhar akan kembali ke status sebelumnya secara automatik.

### FUNGSI PENGUNCIAN UNTUK KANAK-KANAK

**Kunci:** Dalam keadaan menunggu, tekan **Berhenti/Kosongkan** selama 3 saat, akan ada "bip" panjang yang menandakan memasuki keadaan kunci kanak-kanak dan skrin akan memaparkan [ ] atau masa semasa.



**Buka kunci:** Dalam keadaan berkunci, tekan **Berhenti/Kosongkan** selama 3 saat, akan ada "bip" panjang yang menunjukkan bahawa kunci dilepaskan.







### MEMASAK DENGAN GELOMBANG MIKRO

1. Tekan **Gelombang Mikro** sekali, skrin akan memaparkan 80 kelipan. Tekan **Gelombang Mikro** berkali-kali atau pusing tombol untuk memilih kuasa yang anda mahu.
2. Kemudian tekan **Mula/+30 Saat** untuk mengesahkan tahap kuasa yang dipilih.
3. Pusing tombol untuk menetapkan masa memasak dari 0:05 hingga 95:00.
4. Tekan **Mula/+30 Saat** sekali lagi untuk mula memasak.

**Nota:** Langkah masa untuk memusing tombol adalah seperti berikut:

|             |   |         |
|-------------|---|---------|
| 0---1 min   | : | 5 saat  |
| 1---5 min   | : | 10 saat |
| 5---10 min  | : | 30 saat |
| 10---30 min | : | 1 minit |
| 30---95 min | : | 5 minit |



**Mula Pantas alternatif 1****Mula Pantas alternatif 2****Nyahfros Ikut Berat****Nyahfros Ikut Masa****Mula Pantas alternatif 1**

1. Dalam mod siap sedia, tekan **Mula/+30 Saat** untuk memulakan memasak dengan kekuatan penuh selama 30 saat, setiap penekanan tambahan akan meningkatkan masa memasak selama 30 saat hingga 95 minit.

**Mula Pantas alternatif 2**

1. Dalam mod siap sedia, pusing tombol ke kanan untuk menetapkan masa.
2. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mula memasak pada kuasa gelombang mikro penuh.

**Nota:** Dalam keadaan gelombang mikro atau nyahfros masa, setiap penekanan **Mula/+30 Saat** boleh meningkatkan 30 saat masa memasak.

**Nyahfros Ikut Berat**

1. Tekan **Nyahfros Berat/Masa** sekali, dan ketuhar akan memaparkan **def1**.
2. Pusing tombol untuk memilih berat makanan dari 100 hingga 2000g.
3. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mula menyahfros.

**Nyahfros Ikut Masa**

1. Tekan **Nyahfros Berat/Masa** dua kali, dan ketuhar akan memaparkan **def2**.
2. Pusing tombol untuk memilih masa nyahfros. Masa MAKS. ialah 95 minit.
3. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mula menyahfros.

Produk akan meminta anda menterbalikkan makanan setelah separuh masa ditetapkan untuk nyahfros. Buka pintu dan terbalikkan makanan, tutup pintu dan tekan **Mula/+30 Saat** untuk terus menyahfros.

**Pemasap Dapur**

1. Tekan **Pemasap/Jam Dapur** sekali, skrin akan memaparkan **00:00**, petunjuk jam akan menyala.
2. Pusing tombol untuk memasukkan masa yang betul. (Masa maksimum untuk ditetapkan ialah 95 minit.)
3. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mengesahkan tetapan, penunjuk jam akan berkelip.

Apabila masa dapur sampai, penunjuk jam akan padam dan pembaz berbunyi 5 kali.


Produk ini boleh ditetapkan untuk melakukan Pelbagai tahap memasak, penyahfros diikuti dengan pemanasan semula:

**Memasak pelbagai bahagian**

1. Tekan **Nyahfros Berat/Masa** dua kali, dan ketuhar akan memaparkan **def2**.
2. Pusing tombol untuk memilih masa nyahfros.
3. Tekan **Gelombang Mikro** sekali, skrin akan memaparkan **80**, tolak butang berkali-kali atau pusing tombol untuk menetapkan kuasa gelombang mikro yang diminta.
4. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mengesahkan tetapan kuasa.
5. Pusing tombol untuk memilih masa memasak.
6. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mula memasak.

Produk akan meminta anda menterbalikkan makanan setelah separuh masa ditetapkan untuk nyahfros.

Buka pintu dan terbalikkan makanan, tutup pintu dan tekan **Mula/+30 Saat** untuk terus menyahfros. Pembaz akan berbunyi sekali lagi memasuki masakan kedua. Apabila memasak selesai, pembaz berbunyi lima kali.



Fungsi bertanya

- 1. Dalam keadaan memasak gelombang mikro, tekan **Gelombang Mikro**, kuasa semasa akan dipaparkan selama 3 saat.
- 2. Dalam keadaan memasak, tekan **Pemasa/Jam Dapur** untuk menyanakan waktu hari, waktu akan dipaparkan selama 3 saat.

Menu Auto

- 1. Pusing tombol "A" kiri untuk memilih menu, dan **A-1** hingga **A-8** akan dipaparkan.
- 2. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mengesahkan makanan yang dipilih.
- 3. Pusing tombol "A" untuk memilih berat lalai seperti carta menu.
- 4. Tekan **Mula/+30 Saat** untuk mula memasak.

| MENU                 | BERAT                        | PAPARAN |
|----------------------|------------------------------|---------|
| A-1<br>Piza          | 200g                         | 200     |
|                      | 400g                         | 400     |
| A-2<br>Daging        | 250g                         | 250     |
|                      | 350g                         | 350     |
|                      | 450g                         | 450     |
| A-3<br>Sayuran       | 200g                         | 200     |
|                      | 300g                         | 300     |
|                      | 400g                         | 400     |
| A-4<br>Pasta         | 50g (dengan 450g air sejuk)  | 50      |
|                      | 100g (dengan 800g air sejuk) | 100     |
| A-5<br>Kentang       | 200g                         | 200     |
|                      | 400g                         | 400     |
|                      | 600g                         | 600     |
| A-6<br>Ikan          | 250g                         | 250     |
|                      | 350g                         | 350     |
|                      | 450g                         | 450     |
| A-7<br>Minuman       | 1 cawan (120 ml)             | 1       |
|                      | 2 cawan (240 ml)             | 2       |
|                      | 3 cawan (360 ml)             | 3       |
| A-8<br>Bertih jagung | 50g                          | 50      |
|                      | 100g                         | 100     |

**Nota:** Kelas makanan juga boleh ditemui pada label di dalam pintu.

## 5. MENGESAN KEROSAKAN

| Normal                                                          |                                                                                                                                                                                                                 | Masalah                         | Kemungkinan Penyebab                             | Remedi                                                                                          |
|-----------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Ketuhar gelombang mikro mengganggu penerimaan TV                | Penerimaan radio dan TV boleh diganggu apabila ketuhar gelombang mikro beroperasi. Ia sama dengan gangguan perkakas elektrik kecil, seperti pengadun, pembersih vakum, kipas elektrik. Ini perkara yang normal. | Ketuhar tidak boleh dihidupkan. | (1) Kord kuasa tidak dipalam dengan kemas.       | Cabut kord. Tunggu 10 saat dan pasang semula.                                                   |
| Lampu ketuhar malap                                             | Ketika memasak menggunakan gelombang mikro yang berkuasa rendah, cahaya ketuhar mungkin menjadi malap. Ini perkara yang normal.                                                                                 |                                 | (2) Fius terbakar atau pemutus litar diaktifkan. | Gantikan fius atau set semula pemutus litar (dibaiki oleh kakitangan profesional syarikat kami) |
| Wap terkumpul pada pintu, udara panas keluar dari lubang.       | Semasa memasak, wap boleh keluar dari makanan. Kebanyakan akan keluar dari lubang, tetapi ada yang mungkin berkumpul di tempat yang sejuk seperti pintu ketuhar. Ini perkara yang normal.                       |                                 | (3) Masalah dengan soket.                        | Uji soket dengan perkakas elektrik lain.                                                        |
| Ketuhar bermula secara tidak sengaja tanpa makanan di dalamnya. | Dilarang untuk menjalankan unit tanpa makanan di dalamnya.<br><b>Ini sangat berbahaya.</b>                                                                                                                      | Ketuhar tidak panas             | Pintu tidak ditutup dengan baik.                 | Tutup pintu dengan baik.                                                                        |

## 6. SPESIFIKASI

|                                          |                                                          |                    |                                      |                    |
|------------------------------------------|----------------------------------------------------------|--------------------|--------------------------------------|--------------------|
| Model:                                   | VÄRMD 805.178.91<br>VÄRMD 305.082.76<br>VÄRMD 205.082.86 | VÄRMD 905.082.83   | VÄRMD 705.082.79<br>VÄRMD 305.082.81 | VÄRMD 105.082.82   |
| Voltan Terkadar:                         | 220V ~ 50 Hz                                             | 230V ~ 50 Hz       | 220V ~ 60 Hz                         | 110V ~ 60 Hz       |
| Kuasa Input Terkadar (Gelombang Mikro):  | 1250W                                                    | 1250W              | 1250W                                | 1250W              |
| Kuasa Output Terkadar (Gelombang Mikro): | 800 W                                                    | 800 W              | 800 W                                | 800 W              |
| Kapasiti Ketuhar:                        | 20 L                                                     | 20 L               | 20 L                                 | 20 L               |
| Diameter Pinggan Putar:                  | Ø 245 mm                                                 | Ø 245 mm           | Ø 245 mm                             | Ø 245 mm           |
| Dimensi Luaran:                          | 595x344x394 mm                                           | 595x344x394 mm     | 595x344x394 mm                       | 595x344x394 mm     |
| Berat Bersih:                            | Lebih kurang 15 kg                                       | Lebih kurang 15 kg | Lebih kurang 15 kg                   | Lebih kurang 15 kg |

## 7. PEMASANGAN DAN SAMBUNGAN

- Perkakas ini hanya bertujuan untuk kegunaan dalam rumah.
- Ketuhar ini hanya bertujuan untuk kegunaan dipasang dalam. Ia tidak bertujuan untuk penggunaan kaunter atas atau untuk digunakan di dalam almari.
- Sila teliti arahan pemasangan khas.
- Perkakas ini boleh dipasang di dalam almari yang dipasang di dinding selebar 60 cm.
- Perkakas ini dilengkapi dengan palam dan hanya boleh disambungkan ke soket pembumian yang dipasang dengan betul.
- Voltan elektrik mesti sesuai dengan voltan yang dinyatakan pada plat pengedaran.
- Soket mesti dipasang dan kabel penyambung hanya boleh diganti oleh juruelektik yang berkelayakan. Sekiranya palam tidak lagi dapat diakses setelah pemasangan, peranti pemutus litar semua

- kutub mesti ada di sebelah pemasangan dengan jurang bersentuh sekurang-kurangnya 3 mm.
- Penyesuai, penyambung pelbagai arah dan wayar penyambung tidak boleh digunakan. Beban berlebihan boleh mengakibatkan risiko kebakaran.
- Produk tidak boleh dipasang di bawah 85 cm.



Permukaan yang mudah dicapai mungkin panas semasa operasi.

## 8. KEBIMBANGAN ALAM SEKITAR



Menurut arahan Sisa Peralatan Elektrik dan Elektronik (WEEE), WEEE perlu dikumpul dan dirawat secara berasingan. Pada bila-bila masa yang akan datang sekiranya anda perlu melupuskan produk ini, JANGAN lupus produk ini bersama sisa isi rumah. Sila hantar produk ini ke pusat pengumpulan WEEE yang disediakan.

## 9. JAMINAN IKEA

### Berapa lamakah jaminan IKEA akan kekal sah?

Jaminan ini sah selama lima (5) tahun dari tarikh asal pembelian perkakas anda di IKEA. Resit penjualan asal diperlukan sebagai bukti pembelian. Sekiranya kerja servis dijalankan di bawah jaminan, ia tidak akan melanjutkan tempoh jaminan untuk alat ini.

### Siapakah yang akan menjalankan servis?

Penyedia perkhidmatan IKEA akan menyediakan perkhidmatan melalui operasi perkhidmatannya sendiri atau rangkaian rakan perkhidmatan yang sah.

### Apakah yang dirangkumi oleh jaminan ini?

Jaminan ini merangkumi kerosakan alat, yang disebabkan oleh pembinaan yang tidak betul atau kerosakan bahan dari tarikh pembelian daripada IKEA. Jaminan ini hanya untuk kegunaan rumah sahaja. Pengecualian dinyatakan di bawah tajuk "Apakah yang tidak dirangkumi oleh jaminan ini?" Dalam tempoh jaminan, kos membaiki kerosakan, contohnya pembaikan, alat ganti, buruh dan perjalanan akan ditanggung, dengan syarat alat ini boleh dibaiki tanpa perbelanjaan khas. Dengan syarat-syarat ini, peraturan tempatan masing-masing terpakai. Bahagian yang diganti akan menjadi hak milik IKEA.

### Apakah yang akan IKEA lakukan untuk membetulkan masalah?

Penyedia Perkhidmatan yang dilantik IKEA akan memeriksa produk dan memutuskan, mengikut budi bicara mutlak, jika ia dilindungi di bawah jaminan ini. Sekiranya dianggap dirangkumi, penyedia perkhidmatan IKEA atau rakan perkhidmatannya yang sah melalui operasi perkhidmatannya sendiri, kemudian, mengikut budi bicara mutlak, sama ada memperbaiki produk yang rosak atau menggantinya dengan produk yang sama atau setara.

### Apakah yang tidak dirangkumi oleh jaminan ini?

- Haus dan lusuh yang biasa.
- Kerosakan yang disengajakan atau cuai, kerosakan disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan pengendalian, pemasangan yang tidak betul atau menyambung ke voltan yang salah, kerosakan disebabkan oleh tindak balas bahan kimia atau elektrokimia, karat, kakisan atau kerosakan air termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan yang disebabkan oleh terlebih batu kapur dalam bekalan air, kerosakan yang disebabkan oleh ketidaknormalan keadaan persekitaran.
- Bahagian guna habis termasuk bateri dan lampu.
- Bahagian tidak berfungsi dan hiasan yang tidak menjejaskan penggunaan alat yang biasa, termasuk apa-apa calar dan kemungkinan perubahan warna.
- Kerosakan yang tidak disengajakan yang disebabkan oleh objek atau bahan asing, serta membersihkan dan membuang halangan penapis, sistem saliran atau laci sabun.
- Kerosakan pada bahagian berikut: kaca seramik, aksesori, pinggan mangkuk dan bakul kutleri, paip suapan dan saliran, pengedap, lampu dan penutup lampu, skrin, tombol, kelongsong dan bahagian kelongsong. Melainkan kerosakan sedemikian boleh dibuktikan disebabkan oleh kesilapan pengeluaran.
- Kes-kes sekiranya tidak ada kerosakan yang dapat dijumpai semasa lawatan juruteknik.
- Pembaikan tidak dilakukan oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami dan/atau rakan kongsi kontrak perkhidmatan yang sah atau alat ganti tidak tulen digunakan.
- Pembaikan yang disebabkan oleh pemasangan yang tidak betul atau tidak mengikut spesifikasi.
- Penggunaan alat ini dalam persekitaran bukan rumah, iaitu kegunaan profesional.
- Kerosakan disebabkan oleh pengangkutan. Jika pelanggan mengangkut produk ini ke rumahnya atau ke alamat yang lain, IKEA tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan yang mungkin berlaku semasa ia diangkut. Akan tetapi, jika IKEA menghantar produk ini ke alamat penghantaran pelanggan, maka kerosakan kepada produk yang berlaku semasa penghantaran ini akan ditanggung oleh IKEA.
- Kos melakukan pemasangan permulaan alat IKEA.

- Akan tetapi, jika Penyedia Perkhidmatan yang dilantik IKEA atau rakan kongsi perkhidmatannya yang sah membaiki atau menggantikan alat ini di bawah terma jaminan ini, Penyedia Perkhidmatan yang dilantik atau rakan kongsi perkhidmatannya yang sah akan memasang semula alat yang dibaiki atau memasang gantinya, jika perlu.
- Semua pempaipan dan pemasangan elektrik, bukan tanggungjawab IKEA, dan pelanggan mesti menyelesaikan kerja-kerja ini sebelum kerja pelaksanaan dijalankan.

### Bagaimana undang-undang negara diguna pakai

Jaminan IKEA memberi anda hak undang-undang khusus, yang merangkumi atau melampaui semua tuntutan undang-undang tempatan. Namun begitu, syarat-syarat ini tidak mengehendkan dalam apa cara hak pengguna yang diterangkan dalam undang-undang tempatan.

### Kawasan kesahan

Jaminan ini hanya sah di negara tempat produk dibeli; perkhidmatan akan diberikan dalam kerangka syarat jaminan. Kewajipan untuk melaksanakan perkhidmatan dalam rangka kerja jaminan wujud hanya sekiranya alat ini mematuhi dan dipasang menurut:

- spesifikasi teknikal negara di mana tuntutan jaminan dibuat;
- Arahan Pemasangan dan Maklumat Keselamatan Buku Panduan Pengguna;

### Khidmat SELEPAS JUALAN khusus untuk perkakas IKEA

Jangan ragu-ragu untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Sah yang dilantik IKEA untuk:

- membuat permohonan perkhidmatan di bawah jaminan ini;
- meminta penjelasan mengenai pemasangan perkakas IKEA di perabot dapur IKEA khusus;
- meminta penjelasan tentang fungsi alat IKEA.

Untuk memastikan kami memberikan anda bantuan yang terbaik, sila baca dengan teliti Arahan Pemasangan dan/atau Buku Panduan Pengguna sebelum menghubungi kami.

### Cara untuk menghubungi kami jika anda memerlukan perkhidmatan



Pusat perkhidmatan pelanggan selepas jualan IKEA akan membantu anda melalui telefon untuk penyelesaian masalah asas bagi alat anda pada masa panggilan permohonan perkhidmatan. Sila rujuk kepada

**www.IKEA.com**

dan pilih kedai tempatan anda untuk nombor telefon kedai dan waktu buka.

Sebelum menghubungi kami, pastikan bahawa Anda bersedia untuk memberikan nombor artikel IKEA (kod 8 digit) dan Nombor Siri (kod 8 digit yang boleh didapati di plat pengedaran) untuk alat yang anda perlukan bantuan kami.

### SIMPAN RESIT JUALAN!

Ia merupakan bukti pembelian anda dan diperlukan untuk jaminan menjadi sah.

Ambil perhatian bahawa resit juga melaporkan nama dan nombor artikel IKEA (kod 8 digit) untuk setiap alat yang telah anda beli.

### Adakah anda memerlukan bantuan lanjut?

Untuk sebarang soalan lain yang tidak berkaitan dengan Selepas Jualan alat anda, sila hubungi pusat panggilan kedai IKEA yang terdekat. Kami menyarankan supaya anda membaca dokumen alat ini dengan teliti sebelum menghubungi kami.

## TABLE OF CONTENTS

|    |                          |    |    |                             |    |
|----|--------------------------|----|----|-----------------------------|----|
| 1. | SAFETY INFORMATION       | 14 | 6. | SPECIFICATIONS              | 23 |
| 2. | PRODUCT DESCRIPTION      | 18 | 7. | INSTALLATION AND CONNECTION | 23 |
